



SULTAN Ibrahim berkenan meluangkan masa santapan pagi menu nasi lemak bersama Anwar Ibrahim di Nasi Lemak Burung Hantu cawangan Semua House di Masjid India, Kuala Lumpur, semalam. - FB ANWAR IBRAHIM

Agong nikmati santapan pagi bersama Perdana Menteri

YANG di-Pertuan Agong Sultan Ibrahim berkenan meluangkan masa santapan pagi menu nasi lemak bersama Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, semalam.

Seri Paduka bersama Perdana Menteri menikmati menu berkenaan di Nasi lemak Burung

Hantu cawangan Semua House di Masjid India, Kuala Lumpur.

Menerusi perkongsian di Facebook, orang ramai juga tidak melepaskan peluang bersalaman dan merakam gambar bersama Seri Paduka.

Seri Paduka turut berkenan

meluangkan masa beramah mesra bersama kanak-kanak serta bertanyakan khabar.

Aktiviti bersarapan pagi dan minum petang bersama pemimpin negara dan rakyat jelata di lokasi umum sudah menjadi antara rutin baginda

sejak menjadi Yang di-Pertuan Agong ke-17.

Penampilan santai baginda berkunjung ke lokasi-lokasi terpilih ini, memberi ruang untuk orang ramai menemui dan mendampingi baginda yang terkenal dengan jolokan raja berjirwa rakyat.